

Oleh Norfaisal Jahuri

am@hmetro.com.my

**Y**ANG Hebat.' Itulah makna kota A Famosa dalam bahasa Portugis kuno yang menjadi tinggalan penjajah Barat itu selepas menakluk Melaka pada 1511.

Tinggalan kota di Bandar Hilir itu sekarang hanyalah struktur pintu gerbang di bahagian selatan kota berkenaan, manakala sebahagian besar kotanya hancur dimusnahkan Inggeris pada 1807.

Kota A Famosa dipercayai dibina sepanjang satu kilometer dan dilengkapi lapan bastion (rumah kubu) serta mempunyai empat pintu gerbang untuk urusan keluar masuk penduduk serta barangan dagangan.

Portugis yang menjajah Melaka selama 130 tahun dipercayai membina kota itu di bawah runtuhannya Masjid Melayu dan makam lama Kesultanan Melayu Melaka.

Kota itu bukan sahaja kubu perlindungan dan pengendalian kuasa, tetapi turut menjadi penempatan Kristian dengan lima gereja, tempat beribadat, biara dan hospital dibina.

Ketika itu, semua aktiviti atau kehidupan masyarakat Portugis tertumpu di dalam kubu berkenaan sahaja dan di sekitar kawasan itu pula dijadikan penempatan orang Melayu yang hidup sebagai petani dan nelayan.

Apabila Belanda mengambil alih tampuk pemerintahan pada 1641 selepas berjaya mengusir Portugis, Kota A Famosa yang sebahagian besar temboknya musnah dibedil, diperbaiki dan diguna pakai sehingga ditukar fungsi kotanya.

Selepas Melaka diambil alih British, residen perta-

# A Famosa saksi sejarah penjajah

Kota yang juga menjadi kubu penjajah Portugis di Bandar Hilir tetap berdiri teguh walaupun Inggeris pernah meruntuhkannya selama tiga bulan selepas mengambil alih kuasa daripada Belanda

H.M. 25/06/08 M/S 6



**KESAN PENJAJAH...** bahagian pintu masuk kota A Famosa hanya satu-satunya binaan tinggalan Portugis yang diselamatkan.

ada kini dapat diselamatkan, manakala bahagian lain habis dimusnahkan. Sejak itu, Inggeris tidak mengambil sebarang usaha memulihara kota berkenaan.

Berhampiran kota A Famosa juga terletak Padang Pahlawan atau kini dikenali Dataran Pahlawan yang terpahat dalam catatan sejarah apabila Almarhum Tunku Abdul Rahman mengumumkan tarikh kemerdekaan negara sekembalinya rombongan beliau dari London pada 20 Februari 1956.

Di sekitar kota A Famosa itu juga terdapat peninggalan penjajah Belanda dikenali sebagai Stadtyus yang dibina sekitar tahun 1650-an dan terkenal kerana semua bangunan sekitarnya berwarna merah.

Asal bangunan berkenaan adalah berwarna putih dan pernah digunakan sebagai kediaman rasmi Gabenor Belanda serta pegawai atasannya.

Di bahagian atas pintu kota A Famosa itu terletak sebuah Gereja St Paul yang dibina di atas Bukit Melaka oleh Kapten Duarte Coelho dan kemudian dijadikan makam Belanda serta ditukar nama kepada St Paul Church.

Sebahagian runtuhannya kota A Famosa ditemui semula ketika kerja-kerja tanah bagi projek pembinaan Menara Berputar Taming Sari dijalankan berhampiran Jalan Quayside, November tahun lalu.

Berdasarkan catatan sejarah, runtuhannya itu sebahagian tembok kota dikenali sebagai Kota Middleburg dan terletak dalam kawasan kota A Famosa.

Hasil penemuan itu, projek pembinaan itu dihentikan

alih British, residen pertamanya, William Farquhar mengarahkan A Famosa diruntuhkan. Tujuannya untuk melupuskan tinggalan Portugis atau Belanda di Melaka.

Ia juga sebagai ego British ketika itu bagi menunjukkan hanya mereka berjaya menakluki dunia dan menjadi satu-satunya bangsa penjajah.

Kerja meruntuhkan kota A Famosa mengambil masa tiga bulan menggunakan bom sehinggalah pemimpin Inggeris, Sir Stamford Raffles menghalang kerja memusnahkan A Famosa agar ia menjadi tatapan generasi akan datang.

Tindakan Raffles menghalang pemusnahan kota itu menyebabkan tinggalan kota yang masih ada pada masa dulu itu dapat dilihat sehingga kini.

Malangnya, tindakan itu terlambat dan hanya rumah kubu iaitu pintu masuk Santiago Bastion seperti yang



**SEJARAH...**struktur binaan Gereja St Paul yang boleh dilihat sehingga sekarang yang dibina dalam kota A Famosa.



**HAMPIR SIAP...**pekerja kontraktor JWN menyiapkan semula lantai Kota Middleburg yang menjadi satu bahagian kota



**HAMPIR SIAP...**pekerja kontraktor JWN menyiapkan semula lantai Kota Middleburg yang menjadi satu bahagian kota A Famosa

di kawasan berkenaan bagi membolehkan kajian dilakukan Jabatan Warisan Negara (JWN)

Kerajaan Melaka menerusi JWN kini sedang membina semula kota itu dengan kos RM12 juta yang dibiayai Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan.

Pembinaan semula kota ini membabitkan tembok sepanjang 350 meter dan dibina atas struktur jajaran tembok binaan Portugis dan Belanda yang tertimbus sejak pengeboman sebahagian besar Kota Melaka oleh British pada 1807.

Langkah membina semula tembok itu bagi menggembalikan sejarah yang musnah akibat peredaran zaman dan perang. Ia sekarang-kurangnya dapat memberi gambaran kepada pelancong dalam dan luar negara mengenai rupa bentuk dan kedudukan kota itu suatu ketika dulu.